



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

GARIS PANDUAN PELABURAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kemaskini pada 14 Jun 2021.

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan Dan Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Punca Kuasa	2
4.	Garis Panduan Am Pelaburan	5
5.	Garis Panduan Pelaburan Dalam Ekuiti	7
6.	Garis Panduan Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang	27
7.	Garis Panduan Pelaburan Dalam Harta Tanah	30
8.	Garis Panduan Meminjam Dan Medapatkan Pinjaman	31
9.	Pengecualian	34
10.	Percanggahan	35
11.	Lampiran	
	• Lampiran A	i
	• Lampiran B	iv
	• Lampiran C	v
	• Lampiran D	vi

**GARIS PANDUAN PELABURAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
(Kemaskini pada 14 Jun 2021)**

1. PENGENALAN DAN TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”) adalah disediakan bagi membantu UMK membuat pertimbangan dalam penyertaan ekuiti, perkongsian dan usahasama serta lain-lain bentuk pelaburan.
- 1.2 Garis panduan ini juga bertujuan untuk memudahkan UMK dalam penyediaan maklumat mengenai penglibatan dalam aktiviti pelaburan yang akan dijadikan asas pertimbangan dan kelulusan pihak-pihak berkaitan bagi memenuhi seksyen 5 (1) perenggan (a) hingga (i) Perlembagaan UMK.
- 1.3 Garis Panduan Pelaburan ini juga disediakan sebagai rujukan kepada UMK berkaitan prosedur pelaburan yang perlu dipertimbangkan dalam proses mengemukakan cadangan pelaburan untuk kelulusan Kementerian Kewangan dan bagi membantu Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (“JIPU”) membuat keputusan berkaitan:
 - 1.3.1 Pelaburan Dalam Ekuiti
 - 1.3.2 Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang
 - 1.3.3 Pelaburan Dalam Harta Tanah

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Pelaburan UMK ini adalah selaras dengan hasrat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang memerlukan Universiti Awam (“UA”) menjana pendapatan sendiri dari sumber dalaman untuk menampung 25% daripada jumlah perbelanjaan mengurus Universiti menjelang tahun 2020.

- 2.2 Lonjakan ke-5 iaitu Kemampanan Kewangan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) menyatakan UA perlu mencari sumber pendapatan tambahan alternatif untuk menjadi lebih fleksibel, kukuh dan mampan dari segi kewangan agar tidak terlalu bergantung kepada dana dari Kerajaan.

3. PUNCA KUASA

Kuasa untuk melaksanakan pelaburan oleh UMK adalah berpunca daripada Akta dan Peraturan seperti berikut:

3.1 Perlembagaan UMK, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

- 3.1.1 Seksyen 4(1) perenggan (v) Perlembagaan UMK memperuntukan bahawa UMK mempunyai kuasa untuk melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas itu, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan lagi pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di UMK.
- 3.1.2 Seksyen 5(1)(a) Perlembagaan UMK antaranya memperuntukan kuasa tambahan kepada UMK, dengan kelulusan Menteri Kewangan, untuk menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain, Kerajaan Persekutuan atau Negeri, sesuatu badan atau pihak berkuasa awam, sesuatu suruhanjaya atau seseorang.

- 3.1.3 Seksyen 5(1)(b) Perlembagaan UMK juga memberikan kuasa kepada UMK untuk menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menjalankan atau melibatkan diri di dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh UMK.
- 3.1.4 Seksyen 5(1)(c) Perlembagaan UMK juga memberikan kuasa kepada UMK untuk menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan menguruskan apa-apa harta, projek skim atau perusahaan yang pada pendapat Lembaga Pengarah Universiti (“LPU”) adalah bermanfaat dan berfaedah kepada UMK.
- 3.1.5 Seksyen 5(1)(f) Perlembagaan UMK turut memberikan kuasa kepada UMK untuk memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hakmilik, pertukaran atau selainnya.
- 3.1.6 UMK juga diberi kuasa menurut seksyen 5(1)(h) Perlembagaan UMK untuk menjalankan atau menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan atas pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahkan hakmilik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu.
- 3.1.7 UMK juga turut diberi kuasa oleh seksyen 5(1)(i) Perlembagaan UMK untuk membeli, memajak atau menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud UMK.

3.2 Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004)

- 3.2.1 Garis Panduan Pelaburan UMK ini disediakan berpandukan Garis Panduan Pelaburan untuk IPTA (April 2004) yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan dipanjangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada UA.
- 3.2.2 Tujuan Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada UA mengenai prosedur-prosedur yang perlu dipertimbangkan dalam proses mengemukakan cadangan membuat pelaburan untuk kelulusan Menteri Kewangan.
- 3.2.3 Pelaburan boleh dibuat oleh UA dalam bentuk ekuiti, sekuriti boleh dagang dan harta tanah.
- 3.2.4 Pelaburan dalam ekuiti termasuk mengadakan subsidiari, syarikat bersekutu, usaha sama dan menubuhkan perbadanan.
- 3.2.5 Pelaburan terus dalam sekuriti boleh dagang termasuk membeli syer, saham debentur, bon dan sebagainya secara terus tanpa mewujudkan usaha sama anak syarikat atau syarikat bersekutu.
- 3.2.6 Pelaburan dalam harta tanah termasuk membeli, menyewa atau menyewaguna dalam apa-apa harta tanah.

3.3 Akta Syarikat 2016 (Akta 777)

- 3.3.1 Anak syarikat yang ditubuhkan oleh UMK hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 3.3.2 Pengurusan dan pentadbiran anak syarikat adalah turut tertakluk kepada apa-apa peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 dan Peraturan-Peraturan Syarikat 2017 selain daripada peruntukan yang ditentukan oleh UMK.

3.4 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998

3.4.1 Peranan dan tanggungjawab UMK dan LPU dalam melakukan, mengendali dan menguruskan pelaburan hendaklah merujuk dan tertakluk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

3.5 Pengecualian

Mana-mana peruntukan kuasa yang tidak dinyatakan adalah tertakluk kepada kuasa LPU dan/atau kelulusan Kementerian Kewangan.

4. GARIS PANDUAN AM PELABURAN

Garis Panduan Am Pelaburan yang perlu dipatuhi dalam usaha UMK melaksanakan pelaburan adalah seperti berikut:

4.1 Peruntukan Pelaburan

UMK hendaklah memperuntukkan sejumlah wang yang dikenali sebagai dana pelaburan daripada wang lebihan yang bukan dari peruntukan Geran Kerajaan bagi maksud pelaburan. Dana pelaburan ini akan dikendalikan mengikut Garis Panduan Pelaburan ini.

4.2 Sumber Kewangan Pelaburan

4.2.1 UMK perlu mengenal pasti dan menyatakan sumber-sumber kewangan bagi tujuan pelaburan.

4.2.2 UMK tidak dibenarkan menggunakan geran mengurus tahunan, peruntukan pembangunan, geran penyelidikan Kerajaan atau apa-apa sumber kewangan yang diterima dari Kerajaan untuk tujuan pelaburan.

4.2.3 UMK hendaklah melaburkan dana yang belum digunakan (idle funds) bagi meningkatkan pendapatan. Pemilihan produk pelaburan hendaklah mengambilkira tahap kecairan, tahap risiko pelaburan dan pulangan yang berpatutan.

4.3 **Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (JIPU)**

JIPU ditubuhkan dan bertanggungjawab terus kepada LPU dalam hal-hal yang melibatkan pelaburan yang memerlukan persetujuan Menteri Pengajian Tinggi sebelum dibentangkan untuk kelulusan Menteri Kewangan serta mengawal pelaburan mengikut had yang telah ditetapkan.

4.3.1 Keahlian Jawatankuasa

Pengerusi : Ahli Lembaga Pengarah UMK
Ahli : Dua (2) orang Ahli Lembaga Pengarah UMK
: Naib Canselor
: Tiga (3) orang wakil dari badan profesional/swasta
: Pengerusi Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan
Universiti
: Bendahari
Urusetia : Bahagian Pelaburan & Penjanaan Pendapatan

4.3.2 Kuasa Jawatankuasa

JIPU adalah bertanggungjawab kepada LPU untuk membuat pelaburan yang difikirkan wajar dan telah ditetapkan oleh Garis Panduan Pelaburan dari semasa ke semasa.

4.3.3 Fungsi Jawatankuasa

- a. Mencadangkan kepada LPU dasar pelaburan;
- b. Melabur wang lebihan UMK dari Kumpulan Wang Universiti yang tidak berpunca dari Kerajaan;
- c. Memantau prestasi pelaburan;
- d. Memperakukan pelantikan pengurus dana atau firma pengurus dana atau mengadakan jawatankuasa khas;
- e. Menerima dan meneliti laporan dari pengurus-pengurus dana tentang strategi pelaburan dan kedudukan semasa;
- f. Membuat laporan berkala kepada LPU;
- g. Mencadangkan kepada LPU agihan keuntungan daripada pelaburan; dan
- h. Mengemukakan cadangan untuk pelaburan yang baharu dan penjualan saham kepada LPU.

5. GARIS PANDUAN PELABURAN DALAM EKUITI

- 5.1 Pelaburan dalam ekuiti adalah berdasarkan kepada peruntukan seksyen 5 Perlembagaan UMK (P.U.(A) 462) – Kuasa Tambahan Universiti 5 - (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut:

Seksyen 5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –

- (a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsi, perjalanan kuasa dan pelaksanaan aktiviti Universiti, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama dengan, atau selainnya –*
- (i) sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;*

- (ii) *Kerajaan Persekutuan atau Negeri;*
 - (iii) *sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;*
 - (iv) *sesuatu suruhanjaya; atau*
 - (v) *seseorang.*
- (b) *menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti;*
- (c) *menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan yang pada pendapat Lembaga adalah bermanfaat dan berfaedah kepada Universiti;*

5.2 Selaras dengan kuasa yang dinyatakan dalam peruntukan seksyen 5 Perlembagaan UMK, UMK boleh membuat penyertaan ekuiti, perkongsian dan usaha sama dengan pihak luar, sama ada yang memerlukan penubuhan syarikat atau tidak.

5.3 Pelaburan dalam ekuiti hendaklah mendapat persetujuan LPU sebelum diluluskan oleh Menteri Kewangan melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Pelaburan dan aktiviti perniagaan boleh dibuat dalam bentuk:

- 5.3.1 menubuhkan Subsidiari (subsidiary);
- 5.3.2 menubuhkan Syarikat Bersekutu (Associate Company);
- 5.3.3 mengadakan Usahasama (Joint Venture); dan
- 5.3.4 menubuhkan Perbadanan (Corporation).

5.4 **Permohonan**

Semua permohonan untuk menubuhkan syarikat dan anak syarikat oleh UMK perlulah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pengajian Tinggi dengan berpandukan format berkembar menurut **Lampiran A**.

5.5 **Syarat Penubuhan Syarikat**

UMK perlulah mematuhi syarat-syarat seperti yang berikut di dalam menyediakan perancangan untuk penubuhan syarikatnya:

5.5.1 Matlamat

- a. memanfaatkan ilmu, kepakaran, hasil penyelidikan dan lebih kapasiti di UMK;
- b. memastikan semua aktiviti yang dijalankan selaras dengan objektif pengwujudan UMK;
- c. selaras dengan matlamat pengkorporatan UMK yang menitikberatkan kepada mekanisme pembiayaan dan usaha-usaha UMK untuk menjana pendapatan sendiri bagi mengurangkan pergantungan kewangannya kepada Kerajaan; dan
- d. mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) UMK sahaja. Aktiviti komersial lain yang bukan hasil R&D tidak dibenarkan.

5.5.2 Perancangan Perniagaan

Skop dan jenis perniagaan yang dicadangkan hendaklah mempunyai kaitan dengan fungsi utama (*core business*) UMK, untuk memanfaatkan ilmu melalui penyebaran ilmu, penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) serta perundingan.

5.5.3 Bentuk syarikat

- a. LPU bolehlah mempertimbangkan bentuk syarikat yang sesuai untuk ditubuhkan. Ini termasuk penubuhan syarikat induk (*holding company*) yang berasingan; atau mana-mana bentuk lain yang difikirkan sesuai dan dapat memenuhi keperluan UMK.
- b. Dalam membuat pertimbangan di atas, LPU perlulah memastikan dengan sebaik mungkin bahawa kepentingan dan nama baik UMK dapat dilindungi dan kepentingan pelajar tidak terjejas dan ianya dapat mengurangkan risiko serta liabiliti kepada UMK dari segi kewangan dan undang-undang.

5.5.4 Modal Syarikat

- a. Modal berbayar syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas.
- b. Sumber kewangan UMK untuk pembiayaan modal permulaan dan penambahan modal berbayar syarikat induk hendaklah menggunakan sumber dalaman UMK atau punca-punca lain selain daripada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan.
- c. UMK tidak terikat untuk menyumbang sebarang bentuk bantuan kewangan bagi perbelanjaan operasi, perolehan aset atau tujuan-tujuan lain dalam pengurusan anak syarikat.

- d. Jumlah modal, peratusan pegangan saham dalam anak syarikat serta modal/ekuiti yang dipegang oleh pihak-pihak lain dalam syarikat yang diusahakan secara penyertaan ekuiti, perkongsian dan usaha sama perlu dinyatakan dengan jelas.
- e. UMK hendaklah merujuk semula kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pengajian Tinggi sekiranya bercadang untuk mengurangkan atau menambah pegangan dan kawalannya ke atas mana-mana syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh UMK selepas kelulusan.

5.5.5 Pentadbiran dan Pengurusan

- a. Mewujudkan Pentadbiran Berasingan
 - i. Pentadbiran dan pengurusan anak syarikat UMK serta apa jua jenis entiti yang dibenarkan penubuhannya oleh LPU perlulah diasingkan daripada pentadbiran UMK.
 - ii. Anak syarikat perlu mempunyai kumpulan pegawai dan staf tetapnya sendiri yang mengendalikan operasi harian untuk mencapai tujuan penubuhannya.
 - iii. Satu unit khas yang berfungsi sebagai penghubung antara syarikat dengan UMK hendaklah disediakan.
 - iv. Unit khas ini hendaklah bertanggungjawab kepada LPU melalui Naib Canselor berkaitan dengan dasar penubuhan syarikat, aktiviti perniagaan dan menyediakan laporan kemajuan/prestasi syarikat.
- b. Keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat
 - i. Komposisi Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah terdiri daripada Pengurusan Universiti, Ahli LPU dan Ahli Luar/Swasta. Peratusan keahlian LPU tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan ahli Lembaga Pengarah Syarikat Induk;

- ii. Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat induk perlu mendapat kelulusan daripada Menteri. Cadangan calon hendaklah dikemukakan oleh LPU ke peringkat kelulusan Menteri setelah melalui proses pemilihan dan cadangan calon hendaklah dalam kalangan ahli LPU yang mampu memimpin dan menerajui anak syarikat. Pengerusi LPU, Ahli LPU dan Pengurusan Universiti tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat induk;
- iii. LPU hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang dan tidak lebih daripada dua (2) orang daripada ahlinya yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang tujuhan syarikat sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat induk. Ahli LPU yang dilantik sebagai Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Audit UMK tidak boleh memegang jawatan sebagai Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah syarikat induk dan anak syarikat;
- iv. Lembaga Pengarah syarikat induk boleh mencadangkan kepada LPU mana-mana individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang berkaitan hala tuju syarikat. Tempoh lantikan tertakluk kepada keputusan LPU dan mana-mana peruntukan berkenaan perkara ini yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016;
- v. Naib Canselor boleh dilantik menjadi salah seorang Ahli Lembaga Pengarah syarikat induk. Naib Canselor juga boleh mencadangkan kepada LPU mana-mana Pegawai Utama UMK untuk dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah syarikat induk dan anak-anak syarikat. Lantikan ini adalah tertakluk kepada tempoh yang ditetapkan oleh UMK dan UMK berhak menamatkan tempoh lantikan keahlian ini pada bila-bila

masa;

vi. Lembaga Pengarah syarikat induk boleh mencadangkan kepada LPU mana-mana individu, selain daripada pegawai UMK, yang mempunyai pengetahuan khusus berkenaan bidang tujahan syarikat untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah syarikat tertakluk kepada bilangan yang ditetapkan dalam Perlembagaan syarikat; dan

c. Pelantikan Jawatan lain ke dalam Syarikat

i. *Pelantikan Wakil Pemegang Saham dalam Mesyuarat Agung Syarikat Induk*

Naib Canselor hendaklah mencadangkan kepada LPU seorang pegawai UMK untuk dilantik sebagai wakil pemegang saham dalam syarikat induk bagi satu tempoh yang ditetapkan.

ii. *Pelantikan Wakil UMK dalam Syarikat selain Syarikat Induk*

Lembaga Pengarah syarikat atas persetujuan UMK boleh melantik Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau Ketua Eksekutif dalam kalangan Pegawai UMK yang berkelayakan dan berpengalaman serta boleh memberi sumbangan.

i. Bagi syarikat yang bertujuan untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan UMK, lantikan adalah tertakluk kepada Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan.

iii. *Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dalam Syarikat Induk*

- Ketua Eksekutif atau apa-apa gelaran yang diberikan kepada pegawai tertinggi dalam syarikat induk hendaklah dilantik oleh LPU setelah diperakukan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk. Proses pemilihan hendaklah dilaksanakan secara temuduga dan Naib Canselor dan seorang ahli Lembaga Pengarah syarikat hendaklah menjadi ahli dalam panel temuduga berkenaan. Lembaga pengarah syarikat induk/Naib Canselor boleh menjemput ahli perniagaan/usahawan/tokoh korporat untuk menjadi ahli panel temuduga berkenaan.
- Lembaga Pengarah syarikat induk berhak membuat pengesyoran kepada LPU untuk menamatkan tempoh lantikan Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya gagal mencapai Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan atau atas sebab-sebab yang tertentu.
- Lembaga Pengarah syarikat induk boleh melantik Ketua Eksekutif sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat subsidiari bagi tujuan menjaga kepentingan syarikat induk.

d. Penggunaan Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan UMK

- i. UMK boleh membenarkan anak syarikat menggunakan aset, kemudahan dan perkhidmatan yang dimiliki oleh UMK. Bagaimanapun, ia tidak boleh dibeli, dijual, dicagar atau dipindahmilik bagi dijadikan milik anak syarikat melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa

UMK. Anak Syarikat perlu mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan bagi penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan UMK, upamanya dengan mengadakan kontrak, perjanjian persefahaman dan sebagainya;

- ii. Penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan oleh anak syarikat adalah tertakluk kepada kebenaran UMK dan tidak akan menjejaskan kepentingan dan kebajikan pelajar dan staf UMK; dan
- iii. Setiap penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan UMK oleh anak syarikat hendaklah dikenakan bayaran sama ada berbentuk sewa atau caj berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh UMK, mengikut kadar pasaran atau suatu kadar yang boleh dianggap munasabah.

e. Penglibatan Staf UMK di dalam Aktiviti Syarikat

Staf UMK boleh dilantik dalam pengurusan anak syarikat secara pinjaman dengan mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa di UMK.

i. *Peminjaman Staf UMK kepada Anak Syarikat*

- Peminjaman perlu dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak iaitu UMK, anak syarikat dan pegawai berkenaan.
- Syarat peminjaman yang ditawarkan secara pakejnya lebih baik (no less favourable) berbanding dengan jawatan hakiki khususnya dari segi gaji, elaun dan kemudahan.
- Sekiranya anak syarikat tidak dapat menawarkan gaji, elaun dan kemudahan di atas, UMK boleh

menampung sebahagian atau kesemua nilai yang kurang itu tertakluk kepada persetujuan UMK.

- Sepanjang tempoh peminjaman, pegawai akan diberi Pergerakan Gaji Tahunan secara isyarat di jawatan hakiki. Pergerakan Gaji Tahunan di jawatan pinjaman adalah tertakluk kepada kaedah yang diputuskan oleh anak syarikat.
- Pegawai berkenaan bertanggungjawab mengemukakan salinan laporan penilaian prestasi mereka kepada UMK.
- Tempoh peminjaman pertama yang boleh diluluskan adalah tidak melebihi tiga (3) tahun. Tempoh pelanjutan pinjaman boleh dilanjutkan atas persetujuan pihak yang terlibat. Anak syarikat perlu mengemukakan kepada UMK permohonan pelanjutan tempoh peminjaman sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh peminjaman.
- Pegawai berkenaan hanya boleh melaporkan diri bertugas di syarikat selepas cadangan tempoh peminjaman diluluskan oleh UMK.

ii. *Penglibatan Staf selain Peminjaman*

Penglibatan staf selain peminjaman adalah terhadap kepada:

- memberi perkhidmatan seperti dalam kerja perundingan, penyelidikan dan seumpamanya;
- kadar jam maksimum dalam seminggu atau setahun yang ditetapkan oleh UMK;

- kadar bayaran maksimum yang boleh diterima dalam sebulan atau setahun yang ditetapkan oleh UMK; dan
- Penempatan Secara Pentadbiran dengan syarat mendapat kelulusan JPA.

iii. *Larangan*

Tertakluk kepada pekeliling-pekeliling Kerajaan, garis panduan dan arahan-arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa, semua staf UMK tidak dibenarkan memegang sebarang ekuiti dalam syarikat. Ini adalah untuk mengelakkan staf daripada terdedah kepada risiko yang boleh menjejaskan kedudukannya sebagai penjawat awam. Walau bagaimanapun, mereka boleh menerima royalti, ganjaran dan yuran perundingan mengikut Pekeliling-Pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

- iv. Semua staf UMK tidak dibenarkan terlibat secara langsung di dalam pengurusan harian syarikat seperti yang telah ditetapkan dalam Perintah Am Kerajaan dan syarat-syarat perkhidmatan.

f. Tanggungjawab

- i. Dalam menentukan skop dan jenis perniagaan Lembaga Pengarah anak syarikat dan Ketua Pegawai Eksekutif perlu memastikan dengan sebaik mungkin untuk:
- melaksanakan ketekunan wajar (*due diligence*) bagi setiap aktiviti perniagaan yang akan dilaksanakan;

- menjaga nama baik dan melindungi kepentingan UMK;
 - mengurus dengan baik risiko dan liabiliti UMK dari segi kewangan dan undang-undang; dan
 - menjalankan aktiviti perniagaan dan tadbir urus syarikat mengikut Perlembagaan syarikat.
- ii. Jenis perniagaan yang hendak diceburi oleh syarikat adalah tidak terhad kepada fungsi utama UMK.

iii. *Perancangan Strategik Korporat*

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat induk perlu membentangkan Perancangan Strategik Korporat setiap tiga (3) tahun atau tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Syarikat untuk kelulusan. Setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat, Perancangan Strategik ini akan dimaklumkan kepada LPU melalui JIPU.

iv. *Mengawal kos operasi*

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat induk perlu menyediakan peraturan-peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran.

v. *Konsep Value For Money*

Syarikat hendaklah mengamalkan konsep value for money dalam setiap proses perolehan yang dilaksanakan.

- g. Pembiayaan Kewangan selain Pembiayaan Modal
- i. Tertakluk kepada kelulusan LPU, syarikat induk boleh diberikan dana pemula dan perlu dibayar mengikut perjanjian yang dipersetujui.
 - ii. Syarikat induk dibenarkan memperoleh pinjaman daripada Institusi Kewangan yang berlesen di bawah Bank Negara Malaysia.
- h. Pemantauan dan Pematuhan

i. *Jawatankuasa Induk Pelaburan*

Pemantauan pelaburan UMK dalam anak syarikat adalah melalui JIPU. Anak syarikat perlu membentangkan laporan-laporan berikut ke Mesyuarat JIPU:

- Laporan kemajuan/prestasi kewangan syarikat setiap suku tahun;
- Penyata kewangan tahunan yang telah diaudit; dan
- Segala perancangan pelaburan baharu yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

ii. *Kewangan dan Akauntabiliti*

- Anak syarikat hendaklah memastikan segala peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 2016 dipatuhi termasuk apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh UMK.
- Anak syarikat perlu bertanggungjawab dalam semua aktiviti yang dijalankan dan urus niaga yang dilakukan tanpa menjejaskan nama UMK.

- UMK bolen campur tangan ke atas pengurusan syarikat sekiranya terdapat keperluan dari semasa ke semasa.
- Syarikat hendaklah memastikan sistem kewangan dan perakaunan dibangunkan dan ditambah baik berdasarkan kepada keperluan semasa.

iii. *Laporan Prestasi dan Kewangan*

- Laporan Prestasi dan Penyata Kewangan syarikat induk hendaklah disediakan dan dibentangkan kepada JIPU untuk dipanjangkan ke LPU pada setiap suku tahun. Ianya bertujuan untuk memastikan pengawasan yang rapi dan berterusan terhadap kemajuan dan prestasi syarikat. Pembentangan laporan ini perlu merangkumi semua pelaburan yang dilakukan, perbelanjaan, pendapatan, keuntungan, sumber kewangan dan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan prestasi kewangan syarikat.
- Laporan prestasi dan penyata kewangan yang disediakan hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang ditetapkan.
- Penyata kewangan tahunan syarikat subsidiari yang telah diaudit hendaklah disatukan dengan Penyata Kewangan syarikat induk.
- Penyata kewangan tahunan syarikat induk yang telah diaudit hendaklah disatukan dengan penyata kewangan UMK.
- LPU hendaklah memastikan Laporan Akaun Tahunan setiap syarikat dibentangkan setiap tahun di mesyuarat LPU. Ianya perlu

dibentangkan dalam tempoh tidak lewat dari 3 bulan selepas akaun tahunan syarikat berkenaan ditutup.

iv. *Lantikan Juruaudit Luar*

Syarikat perlu melantik juruaudit luar yang bertauliah bagi tujuan pengauditan penyata kewangan tahunan syarikat. Pelantikan juruaudit berkenaan perlu mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengarah syarikat. Walau bagaimanapun UMK boleh mencadangkan juruaudit yang sama dengan UMK (juruaudit yang dilantik oleh Jabatan Audit Negara) untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan Penyata Kewangan syarikat induk.

v. *Jawatankuasa Audit*

LPU boleh mengarahkan syarikat induk menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi tujuan kawalan dan pengawasan. Sekiranya anak syarikat tidak mempunyai Jawatankuasa Audit, LPU boleh mengarahkan Unit Audit Dalam Universiti untuk melaksanakan pengauditan ke atas operasi syarikat.

vi. *Tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat Induk*

Lembaga Pengarah Syarikat Induk bertanggungjawab sepenuhnya bagi perkara-perkara berikut:

- Perkara yang berkaitan dengan polisi anak syarikat;

- Memastikan semua lapisan syarikat subsidiari mematuhi garis panduan ini dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa; dan
- Bagi semua lapisan syarikat bersekutu dan pelaburan, Lembaga Pengarah syarikat induk juga bertanggungjawab bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat itu mempunyai garis panduan dan operasi yang munasabah dan selaras dengan tujuan syarikat tersebut ditubuhkan.

i. Sumbangan Pendapatan kepada UMK

i. *Sumbangan Pendapatan oleh Anak Syarikat*

Pendapatan yang boleh disumbangkan kepada UMK adalah dalam bentuk bayaran dividen tahunan, yuran pengurusan, bayaran sewaan fasiliti UMK dan sumber-sumber lain yang diputuskan oleh UMK.

ii. *Garis Panduan Bayaran Dividen*

- Dividen perlu dibayar kepada UMK daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan anak syarikat. Tertakluk kepada garis panduan Lembaga Hasil Dalam Negeri dari semasa ke semasa, dividen yang diterima oleh UMK tidak boleh diberikan penyecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- Semua cadangan bayaran dividen tahunan atau dividen interim perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk.

- Semua urusan dividen hendaklah merujuk kepada Akta Syarikat 2016.
- iii. Lembaga Pengarah anak syarikat hendaklah memastikan supaya semua lapisan syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan (jika ada) untuk membayar dividen kepada anak syarikat agar anak syarikat pula dapat membayar dividen kepada UMK.
- iv. Sekiranya anak syarikat mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab-sebab yang tertentu perlu memberikan butir-butir berikut:
- sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar;
 - cadangan bayaran bonus kepada staf (jika ada);
 - cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya;
 - kerugian terkumpul (jika ada); dan
 - tahun kewangan dimana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar.
- v. Sekiranya anak syarikat, syarikat Bersekutu dan Pelaburan tidak membayar dividen tiga (3) tahun berturut-turut, laporan hendaklah dikemukakan kepada LPU bagi membolehkan pertimbangan dibuat sama ada untuk melupuskan kepentingan UMK dalam syarikat-syarikat tersebut atau tidak. Laporan itu hendaklah, di antara lain, mengandungi butir-butir berikut:

- objektif perolehan ekuiti dalam syarikat berkenaan;
- sebab-sebab syarikat tidak membayar dividen; dan
- ramalan bayaran dividen tiga (3) tahun ke hadapan.

5.5.6 Syarat Umum

- a. Pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti syarikat hendaklah digunakan untuk pembiayaan pengurusan dan pembangunan UMK yang dapat memanfaatkan warga kampus.
- b. LPU perlu memastikan sebarang hasil yang dikeluarkan oleh syarikat tidak boleh menggunakan nama UMK dan segala produk atau perkhidmatan adalah pada tahap yang telah ditentukan yang sejajar dengan imej UMK.

5.5.7 Pembubaran & Penggulungan dan Penjualan Ekuiti

a. *Pembubaran dan Penggulungan*

Cadangan pembubaran dan penggulungan syarikat induk hendaklah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan LPU, Kementerian Pengajian Tinggi selepas berunding dengan Kementerian Kewangan.

b. *Penjualan Ekuiti*

Cadangan penjualan ekuiti dalam syarikat induk hendaklah terlebih dahulu dibentangkan untuk pertimbangan LPU dan kemudiannya perlu dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

5.5.8 Manfaat kepada UMK dan Komuniti

a. *Peranan*

Anak syarikat yang ditubuhkan berperanan sebagai penghubung antara UMK dan komuniti melalui aktiviti yang dilaksanakannya.

b. *Manfaat kepada UMK*

- i. membantu dalam menjana pendapatan kepada UMK bagi mengurangkan kebergantungan kewangan kepada Kerajaan;
- ii. menaikkan nama UMK sebagai sebuah UA yang terkemuka dalam aspek pemindahan teknologi, 'insertion of new technology', perkongsian dan pertukaran kepakaran dengan pihak industri dan institusi lain;
- iii. memberi peluang kepada staf UMK untuk menimba pengalaman dalam budaya kerja korporat melalui aktiviti keusahawanan anak syarikat sekaligus meningkatkan ilmu, tahap kepakaran dan pendapatan sampingan;
- iv. mempercepatkan proses membuat keputusan dalam aktiviti pengkomersialan dan perundingan, dengan itu

menjadikan UMK lebih efisien, berkualiti dan dinamik;
dan

- v. membina reputasi UMK melalui aktiviti jalinan strategik, perkongsian pintar dan usaha sama melalui penyelidikan kontrak dan penubuhan syarikat bersekutu dengan agensi Kerajaan dan syarikat multinasional ataupun tempatan.

c. *Manfaat kepada Komuniti*

- i. memberi peluang kepada komuniti untuk meningkatkan kemahiran dan peningkatan kerjaya melalui latihan eksekutif dan profesional;
- ii. memberi penyelesaian kepada permasalahan yang dialami oleh pihak industri melalui khidmat perundingan oleh ahli akademik;
- iii. menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anggota masyarakat bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan; dan
- iv. membantu masyarakat yang kurang upaya atau kemampuan atas garis panduan tanggungjawab sosial korporat.

5.5.9 Larangan

Anak syarikat tidak dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang melanggar Hukum Syariah dan apa-apa peraturan dan undang-undang yang telah diperuntukan.

6. GARIS PANDUAN PELABURAN TERUS DALAM SEKURITI BOLEH DAGANG

6.1 Pelaburan terus dalam sekuriti boleh dagang adalah berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 5, Perlembagaan UMK (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut:

Seksyen 5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –

- (f) memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh –*
 - (i) mana-mana syarikat atau perusahaan swasta atau mana-mana sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;*
 - (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;*
 - (iii) sesuatu pemerintah berdaulat;*
 - (iv) sesuatu suruhanjaya; dan*
 - (v) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;*
- (g) memperoleh syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hakmilik, pertukaran atau selainnya;*
- (h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahkan hakmilik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu;*

6.2 Pengendalian Pelaburan Terus

Pelaburan terus boleh dilakukan melalui salah satu daripada kaedah berikut:

6.2.1 Penubuhan Jawatankuasa Khas di UMK

Pelaburan terus hendaklah dikendalikan berpandukan dasar yang ditetapkan oleh JIPU. UMK boleh mewujudkan satu Jawatankuasa khas yang bertanggungjawab untuk:

- a. Pemilihan stok/analisa syarikat; dan
- b. Penilaian cadangan pelaburan.

Jawatankuasa khas ini dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidang pelaburan dan dilantik oleh JIPU. Kesemua ahli dalam Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada JIPU.

6.2.2 Pengurus Dana

JIPU boleh melantik secara kontrak pengurus dana sepenuh masa atau khidmat firma pengurus dana profesional yang bertanggungjawab kepada JIPU.

6.3 Portfolio Pelaburan

Sebelum melaksanakan sesuatu pelaburan, analisa terhadap risiko dan jangkaan kadar pulangan perlu dilaksanakan. Kriteria utama adalah pelaburan tidak berdasarkan spekulasi jangka pendek sebaliknya penekanan kepada pelaburan jangka panjang yang mendatangkan pulangan yang konsisten. Wajaran yang tinggi perlu diberi kepada sekuriti berpendapatan tetap dan ekuiti yang menggambarkan ciri keselamatan dan jangka panjang dana.

Berikut merupakan pembahagian portfolio pelaburan:

<u>Jenis Sekuriti</u>	<u>Wajaran (%)</u>
Sekuriti berpendapatan tetap	Minima 30% (mengikut keadaan pasaran)
Sekuriti boleh dagang	Maksima 60%
Deposit jangka pendek	Maksima 10%

6.4 **Sekatan**

Di samping itu, sekatan khusus seperti berikut perlu diambil kira dalam membuat pelaburan:

6.4.1 UMK tidak boleh melabur dalam sekuriti boleh dagang yang melanggar hukum Syariah;

6.4.2 UMK tidak boleh melabur dalam sekuriti boleh dagang yang secara langsung atau tidak langsung bertentangan dengan falsafah, objektif atau kepentingan UMK;

6.4.3 UMK juga tidak boleh terlibat dengan pasaran hadapan (future trading) dan pasaran matawang (currency trading); dan

6.4.4 UMK tidak boleh melabur dalam saham amanah/ekuiti yang terdedah kepada risikopasaran.

6.5 Senarai Semak Permohonan Pelaburan Oleh Badan Berkanun Untuk Kelulusan Menteri Kewangan adalah sebagaimana di **Lampiran B**.

7. GARIS PANDUAN PELABURAN DALAM HARTA TANAH

7.1 Pelaburan dalam harta tanah adalah berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 5, PerlembagaanUMK (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut:

Seksyen 5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –

(i) membeli, memajak, menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Universiti.

7.2 Syarat Pelaburan dalam Harta Tanah

7.2.1 Semua permohonan untuk pelaburan harta tanah perlu mendapat kelulusan LPU sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berpandukan format kertas kerja sebagaimana di **Lampiran C**.

7.2.2 Pelaburan dalam harta tanah adalah untuk menjana pendapatan tambahan dan menyediakan kemudahan pembelajaran, pengajian, penyelidikan dan perniagaan.

7.2.3 Pelaburan hendaklah dibuat bagi membantu menyelesaikan masalah semasa dan jangka pendek (kurang dari 5 tahun) yang dihadapi oleh UMK agar tidak menjejaskan matlamat dan objektif UMK.

7.2.4 Pelaburan juga hendaklah untuk memaksimumkan pulangan atas modal yang dilaburkan untuk mencapai matlamat-matlamat di atas.

7.2.5 Perancangan pelaburan harta tanah hendaklah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- a. Matlamat yang berkaitan dengan fungsi utama kewujudan UMK;
- b. Ciri-ciri faktor fizikal harta tanah yang boleh dilihat dan dikenal pasti;
- c. Ciri-ciri faktor undang-undang yang berkaitan dengan harta tanah serta pelaburan harta tanah; dan
- d. Ciri-ciri sosio-ekonomi yang meliputi sekitaran harta tanah seperti kawasan kemudahan awam atau riadah, pulangan harta tanah, pola saingan sewa, jangkaan peningkatan nilai sewa dan nilai modal.

8. GARIS PANDUAN MEMINJAM DAN MENDAPATKAN PINJAMAN

8.1 UMK dibenarkan untuk meminjam dan mendapatkan pinjaman sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 5, Perlembagaan UMK (Kuasa tambahan Universiti) dan Perenggan 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 seperti berikut:

Seksyen 5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –

- (d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;*
- (e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menggadaijanjikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alihnya, atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga.*

Perenggan 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 –

Sesuai badan berkanun atau sesuatu syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun tidak boleh meminjam wang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

8.2 Syarat dalam Pinjaman/Pembiayaan Harta Tanah/Projek

8.2.1 Semua permohonan untuk tujuan pinjaman ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pengajian Tinggi berpandukan format kertas kerja sebagaimana di Lampiran D.

8.2.2 Selaras dengan kuasa yang dinyatakan di atas, UMK boleh membuat pinjaman untuk membiayai mana-mana projek UMK yang berkaitan bagi melaksanakan kewajipannya seperti membeli harta untuk projek perumahan pelajar/staf atau pembelian peralatan bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan daripada mana-mana institusi kewangan/organisasi dalam dan luar negara mengikut jumlah, tempoh, faedah dan apa-apa terma yang difikirkan sesuai dan bermanfaat oleh UMK dengan kelulusan Menteri Kewangan.

8.3 Sumber Pinjaman/Pembiayaan Harta/Projek

8.3.1 Bank dan Institusi Kewangan Dalam Negara

UMK dibenarkan untuk mendapatkan sumber dana berupa pinjaman daripada bank-bank dan institusi kewangan dalam negara. Pinjaman berkenaan adalah berbentuk pinjaman akhir iaitu pinjaman untuk pembelian harta tanah yang disediakan oleh bank atau institusi kewangan. Kelulusan Menteri Kewangan hendaklah diperolehi

terlebih dahulu sebelum permohonan pinjaman dikemukakan kepada bank/institusi kewangan.

8.3.2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain Agensi.

8.4 Cadangan Pembayaran Balik

Bagi sesuatu pinjaman/pembiayaan yang dilakukan, UMK dikehendaki mengemukakan satu jadual berupa cadangan pembayaran balik pinjaman yang dilakukan. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah:

8.4.1 Jenis Pinjaman

Setiap pinjaman perlulah dikelaskan di bawah sesuatu konsep pinjaman.

8.4.2 Jumlah Pinjaman

Jumlah yang akan diluluskan oleh pihak bank atau syarikat kewangan bergantung kepada beberapa perkara seperti harta harga tanah/projek tersebut, tempoh bayaran balik dan bentuk cagaran atau sandaran yang dikemukakan oleh UMK.

8.4.3 Tujuan Pinjaman

UMK perlulah memberi tujuan sebenar pinjaman berkenaan. Tujuan tersebut haruslah dalam bentuk spesifik dan bukannya dalam bentuk umum.

8.4.4 Tempoh

Setiap cadangan pinjaman yang dikemukakan perlu disertakan dengan cadangan tempoh pembayaran balik. Ianya penting bagi

menentukan faedah yang akan dikenakan. Penetapan jangka masa pembayaran balik ini adalah atas persetujuan pihak bank dan juga UMK.

8.4.5 Kadar Faedah

Penetapan satu dan kadar faedah oleh Bank Negara Malaysia yang digunakann sebagai garis panduan terhadap sesuatu pinjaman. Walau bagaimanapun, kadar faedah yang dipersetujui dan yang dikenakan tersebut akan berubah mengikut keadaan dan persetujuan pihak bank dari semasa ke semasa.

8.4.6 Cagaran

Satu bentuk cagaran kepada amaun yang dipinjam. Cagaran boleh dibuat dengan mencagarkan harga tanah yang dibeli atau harta tanah lain yang mempunyai hak milik berasingan dari UMK. Kuasa mencagar dan perkara-perkara yang berkaitan ada diperuntukan di bawah seksyen 241 Kanun Tanah Negara (1965).

9. PENGECUALIAN

- 9.1 Garis Panduan ini tidak meliputi pelaburan dalam Simpanan Tetap dalam mana-mana bank dan institusi kewangan.
- 9.2 Garis Panduan ini boleh dipinda daripada semasa ke semasa dengan kelulusan LPU dan Kementerian Kewangan.

10. PERCANGGAHAN

Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan di antara peruntukan yang terdapat di dalam Garis Panduan Pelaburan UMK ini dengan mana-mana peruntukan Polisi Pelaburan UMK, Terma Rujukan JIPU UMK atau mana-mana peruntukan garis panduan, polisi atau arahan-arahan berkaitan pelaburan yang dikeluarkan oleh UMK dari semasa ke semasa, maka peruntukan Garis Panduan Pelaburan UMK ini hendaklah terpakai dan mengatasi Polisi Pelaburan UMK, Terma Rujukan JIPU UMK atau mana-mana peruntukan garis panduan, polisi atau arahan-arahan berkaitan pelaburan yang dikeluarkan oleh UMK dari semasa ke semasa.

Kemaskini pada 14 Jun 2021.

CADANGAN PENUBUHAN SYARIKAT OLEH UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. Matlamat Penubuhan

Sila nyatakan falsafah dan objektif syarikat.

2. Bentuk Syarikat (Model)

Sila nyatakan model syarikat yang dicadangkan:

- syarikat induk dengan beberapa anak syarikat;
- syarikat persendirian;
- syarikat usahasama; atau
- lain – lain.

3. Nama Syarikat serta Alamat

- Sila nyatakan nama serta alamat syarikat yang dicadangkan.
- Sekiranya cadangan ini melibatkan penyertaan ekuiti, perkongsian atau usahasama, sila nyatakan juga nama syarikat yang menjadi rakan kongsi, latarbelakang mengenai syarikat induk dan rakan perkongsian.

4. Aktiviti Syarikat

Sila nyatakan aktiviti-aktiviti perniagaan yang akan dijalankan oleh syarikat, termasuk aktiviti-aktiviti anak syarikat di bawahnya, jika ada.

5. Modal Syarikat dan Pemegang-Pemegang Saham

- Sila nyatakan modal dibenar dan modal berbayar syarikat.
- Sumber kewangan bagi membiayai modal syarikat berkenaan.
- Sekiranya cadangan melibatkan penyertaan ekuiti perkongsian/usahasama, sila nyatakan ekuiti yang akan dipegang oleh UMK dan ekuiti yang akan

dipegang oleh pihak-pihak lain dalam syarikat modal yang dibenar dan modal berbayar syarikat.

6. Pelan Perniagaan

- Sila sertakan pelan perniagaan bagi tempoh 5 tahun akan datang dengan memasukkan unjuran Aliran Tunai dan Jangkaan Penyata Pendapatan.
- Andaian-andaian yang digunakan dalam perbelanjaan membuat unjuran perlu dinyatakan dengan jelas.

7. Struktur Organisasi Syarikat

- Sila jelaskan struktur organisasi syarikat serta hubungan syarikat dengan UMK.
- Maklumat (nama, alamat rumah dan pekerjaan) mengenai pegawai-pegawai utama syarikat (Ketua Eksekutif, Pengarah urusan, Pengarah Syarikat/Usahasama).
- Keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat.
- Bagi permohonan untuk penyertaan ekuiti, perkongsian dan usahasama sila sertakan maklumat mengenai pegawai-pegawai utama serta keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat induk dan rakan perkongsian/

8. Penggunaan, Harta, Kemudahan dan Perkhidmatan UMK

Sila nyatakan:

- Sama ada akan menggunakan harta UMK dan bentuk/jenis kegunaannya.
- Kaedah dan tatacara/peraturan yang dipakai oleh UMK.
- Kadar sewa/bayaran – bayaran yang akan dikenakan.

9. Penglibatan Staf UMK

Sila nyatakan norma/peraturan yang akan digunakan bagi mengawal penglibatan staf UMK.

10. Sistem Kawalan dan Pemantauan

Sila nyatakan sistem kawalan dan pemantauan yang akan diwujudkan di peringkat UMK bagi memastikan adanya pengawasan yang rapi oleh LPU terhadap perjalanan syarikat.

11. Penyaluran Keuntungan Syarikat

Sila nyatakan kaedah bagi menentukan keuntungan daripada syarikat dapat disalurkan balik kepada UMK (termasuk memasukkan peruntukan di dalam M&A/Perlembagaan yang boleh mengikat syarikat untuk berbuat demikian).

12. Faedah/Manfaat kepada UMK dan Masyarakat

Sila nyatakan faedah/manfaat yang akan diperolehi oleh UMK dan juga masyarakat daripada aktiviti komersial yang dijalankan oleh UMK ini.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN MENTERI KEWANGAN
TERHADAP PELABURAN / PINJAMAN / PENUBUHAN SYARIKAT OLEH BADAN BERKANUN**

JENIS PERMOHONAN (sila tanda '✓' yang berkenaan)

Pelaburan

Pinjaman

Penubuhan Syarikat

DOKUMEN-DOKUMEN PERLU (sila pastikan maklumat disertakan adalah lengkap dan tandakan '✓' di kotak yang berkenaan)

- | | | |
|------|--|--------------------------|
| 1. | Surat permohonan daripada Kementerian Pengawal (termasuk asas pertimbangan Kementerian Pengawal) beserta kelulusan / perakuan Menteri Bertanggungjawab. | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Kelulusan daripada Lembaga Pengarah Badan Berkanun (sertakan cabutan minit mesyuarat lengkap beserta senarai kehadiran). | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Salinan Penyata Kewangan Badan Berkanun/Syarikat Badan Berkanun yang telah diaudit untuk tempoh tiga tahun terkini beserta Akaun Pengurusan terkini yang telah disahkan. | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Kertas permohonan yang mengandungi maklumat berikut : | |
| 4.1 | Latar belakang / sejarah / kronologi permohonan. | <input type="checkbox"/> |
| 4.2 | Tujuan dan jenis permohonan sama ada pelaburan / pinjaman / penubuhan syarikat dengan memperincikan klausa di bawah Akta / Peraturan berkaitan yang membenarkan (sertakan Akta / Peraturan berkaitan). | <input type="checkbox"/> |
| 4.3 | Cadangan sumber pembiayaan untuk pelaburan / pinjaman / penubuhan syarikat. | <input type="checkbox"/> |
| 4.4 | Justifikasi dan syor terhadap permohonan. | <input type="checkbox"/> |
| 4.5 | Analisis risiko dan pelan mitigasi risiko. | <input type="checkbox"/> |
| 4.6 | <i>Market / Feasibility study report.</i> | <input type="checkbox"/> |
| 4.7 | Unjuran Aliran Tunai (dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>active working sheet</i>) yang memperincikan maklumat-maklumat berikut: | |
| i. | Andaian dan asas-asas yang digunakan dalam unjuran aliran tunai. | <input type="checkbox"/> |
| ii. | Dokumen / maklumat yang menyokong andaian dalam unjuran tunai (contoh: Statistik Kerajaan, Laporan Perunding, Laporan Juruanalisis, Laporan Penilaian Bertauliah dan lain-lain). | <input type="checkbox"/> |
| iii. | Untuk permohonan pelaburan / penubuhan syarikat: | |
| a. | <i>Financial Appraisal</i> termasuk pengiraan <i>Net Present Value, Internal Rate of Return, Sensitivity Analysis, Cost Benefit Analysis</i> dan lain-lain (berserta andaian); dan | <input type="checkbox"/> |
| b. | <i>Product and performance of fund manager.</i> | <input type="checkbox"/> |
| | ATAU | |
| | Untuk permohonan pinjaman: <i>Repayment Schedule Plan and Repayment Ability Analysis</i> termasuk pengiraan <i>Debt Coverage Ratio, Interest Coverage Ratio, Debt-to-Equity Ratio</i> (berserta andaian) | <input type="checkbox"/> |
| 4.8 | Untuk permohonan penubuhan syarikat, sila nyatakan cadangan modal berbayar, senarai ahli Lembaga Pengarah dan Pelan Pemiagaan syarikat. | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Untuk permohonan pelaburan / penubuhan syarikat: <i>Term Sheet</i> perjanjian jual beli / usaha sama / kontrak yang berkaitan beserta klausa tertakluk kelulusan Menteri Kewangan dalam <i>Condition Precedent</i> ; | <input type="checkbox"/> |
| | ATAU | |
| | Untuk permohonan pinjaman: <i>Term Sheet</i> kontrak pinjaman / surat tawaran pinjaman dengan perincian jenis dan terma pinjaman, kadar pinjaman, jadual bayaran, cagaran dikenakan dan lain-lain. | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Untuk permohonan pinjaman: Perbandingan terma pinjaman di antara institusi kewangan dan analisis yang berkenaan. | <input type="checkbox"/> |

NOTA :

- Keperluan maklumat di atas adalah **BERGANTUNG** kepada jenis permohonan.
- Permohonan **TIDAK AKAN DIPROSES** sekiranya dokumen/maklumat yang dikemukakan **TIDAK LENGKAP**.
- Maklumat tambahan lain akan dipohon secara berasingan **SEKIRANYA PERLU** berdasarkan *case by case*.
- Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan maklumat yang dikemukakan adalah **BENAR**.

CADANGAN PELABURAN HARTA TANAH

1. **Matlamat Pelaburan**

Sila nyatakan tujuan pelaburan.

2. **Bentuk Pelaburan Harta Tanah**

Sila nyatakan bentuk pelaburan yang dicadangkan:

- Pelaburan Harta Tanah Secara Langsung; atau
- Pelaburan Harta Tanah Secara Tidak Langsung.

3. **Jenis dan Bentuk Pemilikan Harta Tanah**

- Jenis dan bentuk pemilikan harta tanah yang dicadangkan;
- Lokasi serta nombor rujukan hak milik harta tanah; dan
- Laporan penilaian atas harta tanah oleh jurunilai yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia.

4. **Nilai Modal Pelaburan dan Kaedah Pembiayaan**

Sila:

- Nyatakan nilai modal pelaburan yang diperlukan;
- Nyatakan kaedah pembiayaan pelaburan harta tanah yang dicadangkan; dan
- Sertakan analisa perbandingan dan penilaian atas kaedah-kaedah pembiayaan.

CADANGAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN HARTA TANAH/PROJEK

1. Matlamat Pinjaman/Pembiayaan

Sila nyatakan tujuan pinjaman.

2. Cadangan Pembayaran Balik

Sila nyatakan:

- Jenis Pinjaman;
- Jumlah Pinjaman;
- Tempoh Pinjaman;
- Kadar Faedah yang Dipersetujui; dan
- Cagaran.

3. Sekiranya Jenis dan Bentuk Pemilikan Berupa Harta Tanah

Sila nyatakan:

- Jenis dan bentuk pemilikan harta tanah yang dicadangkan;
- Lokasi serta nombor rujukan hak milik harta tanah;
- Laporan penilaian atas harta tanah oleh jurunilai yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia;
- Unjuran Aliran Tunai:
 - i. Sediakan unjuran aliran tunai bagi cadangan pembelian harta tanah menunjukkan kadar pulangan ke atas pelaburan;
 - ii. Nyatakan andaian-andaian yang digunakan dalam membuat unjuran; dan
 - iii. Nyatakan nilai pelaburan yang merupakan unjuran keuntungan yang akan diperolehi pada masa hadapan yang dikira pada tarikh semasa.

4. Sumber Pinjaman/Pembiayaan Harta Tanah

Sila nyatakan bentuk sumber pembiayaan yang dicadangkan oleh UMK.

[Dokumen tamat]